

Tujuh empangan catat paras air terendah

Tujuh empangan di seluruh negara mencatatkan bacaan paras air rendah apabila baki simpanan kurang daripada 50 peratus setakat semalam.

Pengarah Bahagian Korporat Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) Ir Nishad Mohamed Mohd Shaffy berkata, antara empangan terbabit ialah Empangan Bukit Kwong, Kelantan, Empangan Labong, Johor, Empangan Bukit Merah, Perak, Empangan Timah Tasoh, Perlis dan Empangan Muda, Empangan Padang Saga

serta Empangan Beris di Kedah.

“Empangan Bukit Kwong mencatat paras air terendah apabila baki simpanan hanya tinggal 7.81 peratus diikuti Labong dengan 10.35 peratus, Bukit Merah (19.57 peratus), Timah Tasoh (29.84 peratus), Padang Saga (33.80 peratus), Beris (40.45 peratus) dan Muda (45.9 peratus).

“Setiap empangan mempunyai kegunaan yang berbeza. Empangan Labong, Bukit Merah, Padang Saga, Timah Tasoh dan Beris mempunyai pelbagai fungsi

iaitu menyalurkan bekalan air untuk kegunaan domestik termasuk pengairan, manakala, Empangan Bukit Kwong dan Muda hanya bertujuan pengairan.

“Jadi, tempoh masa empangan mengekalkan simpanan bergantung kepada penggunaan air di kawasan sekitar,” katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Beliau berkata, empangan terbabit boleh mengekalkan simpanan lebih lama untuk menyediakan air jika permintaan lebih rendah.